

15 MAR 1997

PROGRAM TANAM BENIH POKOK BANTU PENDUDUK LUAR BANDAR

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Jabatan Landskap Negara akan melancarkan program "Semai Indah", iaitu program menanam benih pokok untuk membantu penduduk luar bandar, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata hari ini.

Katanya di bawah program itu, keluarga miskin di luar bandar akan dibekalkan dengan benih pokok secara percuma untuk ditanam di kawasan masing-masing.

Apabila pokok tersebut sudah cukup besar, Jabatan Landskap akan membeli semula pokok-pokok tersebut daripada mereka dengan harga yang akan ditetapkan nanti, kata Ting kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agong Persatuan Hopo Malaysia, di sini.

Sementara itu sebanyak lapan kerajaan negeri telah bersetuju untuk menyediakan tapak semaian yang dijangka akan membabitkan kawasan seluas 1000 meter persegi, katanya

Beliau juga menjangkakan program tersebut akan dilancarkan selewat-lewatnya penghujung tahun ini.

Sebanyak 3 juta pokok diperlukan menjelang tahun 2000 di bawah Kempen Menanam Pokok, yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal bulan ini. -- BERNAMA

YBK RI